

14 DEC 2001

Sultan

SULTAN MIZAN DAN PERMAISURI BERANGKAT BALIK KE TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 14 Dis (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah disambut dengan penuh adat istiadat diraja setelah berangkat balik ke Terengganu pagi ini dari Kuala Lumpur.

Baginda sebelum ini menjalankan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong berikutan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjalani rawatan hospital dan mangkat pada 21 Nov.

Sultan Mizan juga dilantik semula sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong oleh Majlis Raja-Raja pada mesyuaratnya ke-191 Rabu lepas.

Baginda dan permaisuri tiba di lapangan Terbang Sultan Mahmud pada pukul 11 pagi diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai Menteri Pengiring Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan isteri serta beberapa dif kehormat.

Setibanya di lapangan terbang, baginda disambut dengan persembahan pancaragam Rejimen 512 Askar Wataniah serta yang menunggu 64 penjawat kebesaran diraja.

Baginda turut disambut anggota Jumaah Pangkuan Negeri, anggota Dewangan Undangan Negeri, para exco dan kerabat diraja.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak hadir kerana menunaikan umrah di Makkah.

Turut bersama baginda dan permaisuri ialah putera dan puteri, Tengku Nadhirah Zahrah, Tengku Muhammad Ismail dan Tengku Muhammad Mua'az dan mereka kemudian diiringi ke Istana Badariah.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat jalan kepada Sultan Mizan dan Permaisuri Nur Zahirah di stesen Tentera Udara Diraja Malaysia, di Subang.

Turut mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri kabinet yang lain.

Rombongan diraja itu diterbangkan khas ke Terengganu dengan pesawat VIP TUDM.

Yang di-Pertuan Agong ke-12 ialah Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail.

--BERNAMA

SLR DC RON